

SOALAN NO: 48

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary
[Bachok]

TARIKH : 21 Mac 2018 (Rabu)

SOALAN : Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary
[Bachok] minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
prestasi dan keberhasilan penanam padi
dan sayuran di Bachok. Nyatakan aduan-
aduan yang diterima daripada penanam
padi dan sayuran.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Prestasi dan keberhasilan penanam padi dan sayur-sayuran di Bachok adalah meningkat sebanyak 8% bagi tanaman padi dari tahun 2016 kepada tahun 2017 namun terdapat penurunan bagi sayur-sayuran sebanyak 13% akibat daripada musim kemarau pada tahun 2017 telah menjejaskan tanaman sayuran seperti cili, peria dan salad.

Tahun	Padi			Sayur-Sayuran		
	Pengeluaran		Keluasan Bertanam (ha)	Pengeluaran		Keluasan Bertanam (ha)
	mtan	RM		mtan	RM	
2015	56,115	67,337,618	12,819	24,506	74,333	1,197
2016	56,715	68,057,568	12,792	22,149	77,357	1,054
2017	61,742	74,090,043	12,968	19,510	68,140	1,116

Aduan yang diterima daripada penanam padi di kawasan Bachok adalah:

- i) Kebocoran pintu kawalan air;
- ii) Kemasukan air masin; dan
- iii) Kerosakan pam air.

Pihak Kerajaan melalui Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak sentiasa berusaha memastikan aduan-aduan ini diambil tindakan.